



10 April 2017  
10 April 2017  
P.U. (A) 117

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 2) 2017

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 2) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun taksiran 2018.

**Pemakaian**

2. Perintah ini terpakai bagi orang yang layak—

(a) yang perniagaannya telah beroperasi tidak kurang daripada dua puluh empat bulan; dan

(b) yang mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu dan mempunyai akaun untuk tempoh dua belas bulan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi setiap tahun taksiran itu.

**Tafsiran**

3. Dalam Perintah ini, “orang yang layak” ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) suatu perkongsian liabiliti terhad yang berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

- (c) suatu badan amanah;
- (d) seseorang pentadbir harta pusaka bagi individu yang telah meninggal dunia yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya; dan
- (e) seseorang penerima yang berkenaan dengannya subseksyen 68(4) Akta terpakai,

yang bermastautin di Malaysia.

### **Pengecualian**

4. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (2) dan (3) yang diperoleh daripada menjalankan suatu perniagaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (3), amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut cara yang berikut:

- (a) pertama, amaun perbezaan antara pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu (selepas ini disebut sebagai “amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai”) hendaklah ditentukan;
- (b) kemudian, peratusan amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai (selepas ini disebut sebagai “peratus nilai peningkatan”) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A - B}{B} \times 100$$

iaitu A ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan orang yang layak itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan

B ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan orang yang layak itu dalam tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu;

(c) kemudian, amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan dengan menggunakan formula yang berikut:

(i) jika peratus nilai peningkatan ialah 20 peratus atau lebih:

$$\frac{C}{D} \times E$$

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 20 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;

(ii) jika peratus nilai peningkatan ialah 15 hingga 19.99 peratus:

C      X      E  
D

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 21 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;